

16 JUN 2001

Pramoedyah-Mahathir

PENCAPAIAN MALAYSIA MIRIP CITA-CITA SUKARNO BAGI INDONESIA

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Kemerdekaan ekonomi dan politik Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah apa yang menjadi cita-cita perjuangan Presiden Sukarno bagi Indonesia, kata novelis agung republik itu Pramoedyah Anantatoer.

Katanya, Allahyarham Sukarno telah bercita-cita untuk menjadikan Indonesia sebuah negara merdeka yang mampu berdikari dan apa yang dihasratkannya itu telah dicapai di Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Sebaliknya di Indonesia sehingga sekarang, cita-cita itu belum menampakkan harapan untuk dicapai, katanya dalam wawancara eksklusif dengan RTM yang disiarkan dalam berita TV1 hari ini.

Pramoedyah, yang antara lain menulis novel bercorak perjuangan, ketika ditemubual oleh wartawan RTM Yazid Naim di kediamannya di Desa Waringin Jaya, Bojong Gede, Bogor, berkata Indonesia kini menjadi negara pengemis dan perlu selalu meminta bantuan orang lain sedangkan Malaysia mempunyai politik untuk berdikari.

"Syabas Malaysia kerana berjaya menangani ekonominya dengan cara yang tersendiri," katanya.

Pramoedyah berkata usaha Dr Mahathir untuk menanamkan keyakinan di kalangan rakyat Malaysia supaya berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada kuasa asing boleh meningkatkan semangat nasionalisme kerana mereka akan mempunyai daya saing dengan kuasa asing.

"Nasionalisme itu ada kalau ada lawannya. Kalau lawannya tidak ada, ya nasionalisme lemah," katanya.

Beliau juga bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa demokrasi mempunyai kelemahannya dan demokrasi yang perlu diamalkan di sesuatu negara itu harus bersesuaian dengan negara berkenaan.

"Negara-negara Barat pada umumnya demokratis. Tapi di luar negeri dia menjajah, menghisap buruh dan tani...kerana itu Sukarno menolak demokrasi Barat," katanya.

Sukarno telah mengamalkan demokrasi dipimpin pada zaman pemerintahannya kerana pada ketika itu Indonesia dikepung oleh negara-negara Barat dan amalan corak demokrasi itu digunakan untuk menentang kuasa Barat.

"Tetapi keadaan ketika itu adalah luar biasa", kata Pramoedyah.

Mengenai masa depan Indonesia yang kini berhadapan dengan kegawatan ekonomi dan politik, novelis itu berkata republik itu kini berada pada tahap awal revolusi sosial kerana rakyat yang ditindas selama ini telah mula bangkit dan melawan.

Katanya beliau tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku di Indonesia pada masa depan.

Pramoedyah bagaimanapun yakin generasi muda Indonesia dapat menyelesaikan semua persoalan Indonesia.

"Saya percaya kepada angkatan muda Indonesia. Bukan hanya kerana bisa menjatuhkan diktator, juga akan bisa menyelesaikan semua persoalan Indonesia.

"Ini adalah problem angkatan muda. Bukan angkatan tua yang korup. Saya bangga punya angkatan muda dan di situlah harapan saya, kalau tidak apa lagi yang ditunggu dalam hidup ini. Enggak ada lagi," katanya.

Novelis berusia 76 tahun itu telah menghasilkan lebih 30 judul novel termasuk sekurang-kurangnya lapan karya semasa beliau dalam tanahanan.

Pramoedyah berkata, apa yang berlaku di Indonesia sejak kebelakangan ini tidak sama dengan apa yang dicita-citakannya iaitu untuk melihat negara itu menjadi sebuah negara merdeka, demokrasi dan moden.

"Jangankan moden, makin lama makin primitif. Semua persoalan dipecahkan dengan bunuh," katanya.

Pramoedya berkata segala tulisan bercorak perjuangan yang dihasilkannya ditujukan kepada generasi muda Indonesia dan percaya mereka memahami cara menggunakan demokrasi untuk masa depan negara.

"Jangan lupa, ini dunia, bukan syurga. Ketidakadilan ada di dunia ini. Kalau syurga semuanya bagus," katanya.

-- BERNAMA

AFY ZS MAI